

SIARAN MEDIA
25 FEBRUARI 2016

**EKUINAS MELANCARKAN PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) -
ILTIZAM**

Fokus pada Keusahawanan, Pendidikan dan Komuniti

Maklumat Penting:-

- Ekuinas secara rasminya melancarkan program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), di bawah nama ILTIZAM, yang diinspirasikan oleh keazaman dan kegigihan mereka yang ingin mendorong pembaharuan dan transformasi yang berkesan.
- Aktiviti CSR Ekuinas memberi tumpuan kepada tiga tunggak utama - Keusahawanan, Pendidikan dan Komuniti, selaras dengan agenda teras Ekuinas yang bertujuan menjana impak mampan dan positif kepada bisnes dan masyarakat.
- Sepanjang tempoh lima tahun yang lalu, Ekuinas telah melabur lebih daripada RM13 juta untuk aktiviti CSRnya dan memperuntukkan RM18 juta bagi tiga tahun yang akan datang bagi membantu golongan yang layak untuk merealisasikan potensi mereka.

KUALA LUMPUR, 25 Februari 2016: Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas), syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan, hari ini melancarkan ILTIZAM, program Tanggungjawab Sosial Korporat yang memberi tumpuan kepada tiga tunggak utama iaitu Keusahawanan, Pendidikan dan Komuniti. Nama ILTIZAM dipilih kerana ia mencerminkan keazaman dan kegigihan mereka yang ingin mendorong pembaharuan dan transformasi yang berkesan, dan bertujuan mencetus inspirasi bagi golongan yang disasarkan untuk merealisasikan potensi dan impian mereka.

Dalam ucapan rasmi Pengerusi Ekuinas, Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda berkata, "Sejajar dengan falsafah kemampanan korporat yang digalakkan oleh Kerajaan, kami berhasrat menjadikan program CSR Ekuinas sebagai sebahagian daripada DNA korporat kami, seiring dengan aktiviti teras Ekuinas. Kami akur perbuatan sememangnya

lebih penting daripada apa yang diucapkan, namun ia juga penting untuk memastikan bahawa masyarakat sedar tentang objektif program CSR kami agar mereka dapat memaksimumkan faedah apabila menyertai program CSR kami.

Dato' Abdul Rahman Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, seterusnya membentangkan identiti penjenamaan, objektif dan prinsip panduan ILTIZAM. Menurutnya, "Setiap aktiviti yang dijalankan di bawah ILTIZAM akan mencerminkan agenda teras bisnes Ekuinas. Program yang bakal dilaksanakan perlu mempunyai fokus dan struktur yang teratur. Walaupun program-program kami bermula pada skala yang kecil, namun kami akan memastikan setiap inisiatif boleh diperluaskan agar kami dapat memberi lebih banyak bantuan di masa hadapan.

Pelancaran Program CSR Ekuinas telah disaksikan oleh YB Senator Dato' Sri Abdul Wahid Omar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Beliau seterusnya berkongsi pengalaman peribadi, perjalanan hidup dan pandangannya sebagai galakan kepada lebih 100 pelajar dan badan bukan Kerajaan (NGO) yang turut hadir.

Melalui Program Mentor Keusahawan, ILTIZAM membantu perniagaan mikro dan kecil yang masih belum mencapai tahap syarikat berskala sederhana yang merupakan kriteria kelayakan untuk pelaburan Ekuinas. Menerusi program ini, usahawan berpengalaman dan pihak profesional berganding bahu sebagai mentor kepada usahawan baru dalam persekitaran berstruktur dengan menggunakan cara inovatif untuk membantu mereka memperkukuhkan operasi dan kemampanan perniagaan masing-masing.

Di bawah tanggung Pendidikan, Ekuinas menyokong anak muda Malaysia yang berpotensi untuk mencapai kecemerlangan melalui Program Perkembangan Pendidikan. Ekuinas menyumbang peruntukan tahunan kepada Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB), suatu inisiatif Kerajaan untuk membangunkan pelajar Bumiputera dengan memberi mereka akses kepada pendidikan akademik dan vokasional melalui program-programnya. Ekuinas juga menyediakan biasiswa kepada pelajar-pelajar di bawah ILMU

Education Group (ILMU) yang layak melalui Dana Pendidikan ILMU (ILMU). Di samping itu, ILTIZAM juga mengendalikan Program Pembangunan Profesional, sebuah program berstruktur yang memberi fokus kepada aspek pembangunan serta keupayaan graduan tempatan agar meningkatkan kebolehpekerjaan melalui penempatan di syarikat-syarikat portfolio Ekuinas.

Di bawah tunggak Komuniti pula, semua inisiatif berunsur filantropi ditempatkan di bawah Program Komuniti Lestari yang bertujuan meningkatkan taraf hidup golongan yang memerlukan secara mampan, serta menggalak and memelihara seni, budaya dan warisan.

Sepanjang tempoh lima tahun yang lalu, Ekuinas telah melabur lebih daripada RM13 juta untuk aktiviti CSRnya dan memperuntukkan RM18 juta bagi tiga tahun yang akan datang bagi membantu golongan yang layak untuk merealisasikan potensi mereka.

Ekuinas mempelawa perusahaan mikro dan kecil, badan bukan Kerajaan (NGO) dan pelajar serta graduan berpotensi untuk menyertai program di bawah ILTIZAM dengan melayari laman sesawang **www.ekuinas.com.my/iltizam** atau hubungi 03-7710 7171.

###

Mengenai Ekuinas

Ekuinas (Ekuiti Nasional Berhad) ialah sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan yang ditubuhkan pada 1 September 2009. Berbekalkan peruntukan RM5 bilion daripada Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 dan Rancangan Malaysia ke-10, Ekuinas berhasrat melahirkan syarikat terkemuka generasi baru di Malaysia sambil menggalakkan penyertaan ekonomi Bumiputera yang saksama, berkesan dan berdaya maju. Setakat ini, Ekuinas telah melabur dalam syarikat Malaysia berpotensi tinggi yang terlibat dalam bidang barangan pengguna laris, minyak dan gas, logistik, pendidikan, runcit, makanan dan minuman serta penjagaan kesihatan.

Mengenai ILTIZAM

ILTIZAM diinspirasikan daripada keazaman dan kegigihan dalam usaha seseorang merealisasikan potensi. ILTIZAM, seperti namanya, bertujuan mendorong mereka yang terlibat untuk membuat pembaharuan dan transformasi dalam kehidupan masing-masing. Objektif program ini adalah untuk memperkasakan komuniti Bumiputera dan membantu merealisasikan potensi penuh mereka di bawah tiga tunggak utama iaitu Keusahawanan, Pendidikan dan Komuniti.

Untuk maklumat lanjut mengenai Ekuinas dan ILTIZAM, layari www.ekuinas.com.my.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi

Siti Azlyana Bt Azmi (Nana) – 012 914 4788: azlyana@bzbee.com.my

Zalina Abdul Aziz – 019 396 6544: zalina@bzbee.com.my

Dikeluarkan oleh bzBee Consult Sdn. Bhd. bagi pihak Ekuiti Nasional Berhad.